

Anggota tentera dapat lebih banyak kemudahan

BH 27 JAN 2001

Oleh Hassan Omar, Johari Ibrahim dan Abdullah Abdul Rahman

SIK, Jumaat – Kerajaan akan menambah pelbagai kemudahan kepada anggota tentera, termasuk elaun dan kemudahan perumahan yang sebelum ini sudah diputuskan tetapi belum dilaksanakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu adalah sebagai menghargai sumbangan dan pengorbanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Katanya, kerajaan akan meneliti perkara itu secara serius bagi menunaikan janji dan menyerahkan kepada Kementerian Pertahanan untuk menyediakan kajian lengkap mengenai kemudahan yang perlu diberikan kepada anggota tentera.

"Ada elaun yang sedang dikaji. Setakat mana yang kita boleh, kita tunaikan. Ada juga yang dikatakan kita dah putuskan tetapi tak dilaksanakan...saya pun tak tahu macam mana ia berlaku.

"Kita akan tunaikan apa yang kita janji," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri bersama anggota tentera di Kem Gubir, mukim Belantek, dekat sini hari ini.

Diminta menyatakan secara terperinci mengenai elaun berkenaan, Dr Mahathir berkata ia membabitkan keseluruhan kebajikan anggota ATM, termasuk perumahan.

"Kebajikan dia oranglah. Tempat tinggal, kita cuba nak bagi yang lebih baik," katanya.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Panglima ATM, Jen Tan Sri Mohamad Zahidi Zainuddin dan Panglima Markas Medan Tentera Darat, Lef Jen Datuk Zaini Mohd Said.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata negara mengucapkan terima kasih kepada anggota ATM kerana sanggup menyertai pasukan tentera secara sukarela, walaupun pembangunan ekonomi negara menyediakan peluang pekerjaan yang menawarkan gaji lebih menarik.

LIHAT MUKA 2

Kerajaan bangga anggota tentera bertindak bijak

DARI MUKA 1

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mampu menawarkan gaji dan elaun lebih tinggi berbanding ahli perniagaan yang bijak menjalankan perniagaan, tetapi berbangga kerana setakat ini tidak ada anggota ATM yang melakukan perkara tidak bertanggungjawab seperti yang berlaku di sesetengah negara lain.

Dengan mengambil contoh keruntuhan Empayar Rom dan Greek akibat keengganan rakyatnya menyertai angkatan tentera secara sukarela selepas menikmati kemewahan hasil kemajuan negara, beliau berkata empayar berkenaan runtuh akibat terpaksa bergantung kepada tentera upahan.

"Angkatan tentera kita menjalankan tugas secara profesional dengan tidak memihak kepada ketua tertentu. Panglima (ATM) di negara ini mengikut perintah kerajaan yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Dalam nada sebak dan terhenti beberapa kali ketika berucap, Dr Mahathir berkata negara terhutang budi kepada anggota tentera yang banyak berjasa menumpaskan ancaman komunis selama 40 tahun, bermula pada 1948.

"Kita hilang banyak nyawa. Banyak yang gugur. Tidak ada sesiapa yang tolok kalau disuruh masuk hutan untuk berlawan dengan musuh yang kadangkala kita tidak nampak," katanya.

Terdahulu, berucap pada perjumpaan dengan penduduk termiskin Perumahan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) di Kampung Kota Aur, dekat sini, Dr Mahathir berkata rakyat perlu sentiasa bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan yang menyediakan pelbagai kemudahan.

Katanya, rakyat tidak seharusnya terpengaruh dengan dakyah pembangkang yang menyeru mereka supaya hanya bersyukur kepada Allah dan tidak berterima kasih kepada kerajaan.

"Kita berasa juga hendak tutup Keda (Lembaga Kemajuan Kedah), Felcra dan Felcra, ekoran kerajaan merasakan penubuhannya tidak disenangi rakyat.

"Kebanyakan rakyat yang tinggal di kawasan terbabit marah kepada kerajaan. Kerajaan terfikir tentu telah melakukan kesilapan kerana menubuhkan rancangan kemajuan tanah itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, untuk membetulkan keadaan kerajaan berunding untuk menutupnya, tetapi penduduk yang tinggal di situ, memohon supaya rancangan tanah itu jangan ditutup.

Keda sepatutnya ditutup tahun ini tetapi kerajaan melanjutkan tempoh operasinya kepada lima tahun lagi.